

21 NOV 2002

Abdullah-Menteri

ABDULLAH TAHU RANCANGAN PM UTK LANTIK MENTERI KEWANGAN KEDUA

KEPALA BATAS, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan bahawa beliau mengetahui mengenai rancangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantik dua menteri dan seorang timbalan menteri yang baru.

Timbalan Perdana Menteri berkata Perdana Menteri ada bercakap dengannya mengenai hasrat untuk mengisi jawatan Menteri Kewangan Kedua dan sedang memikirkan calon yang sesuai.

Abdullah berkata demikian kepada para pemberita selepas berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib di Surau Permatang Manggis di sini.

Abdullah berkata Perdana Menteri telah lama bercakap mengenai perkara itu dan menjelaskan bahawa beliau bersetuju dengan keputusan Dr Mahathir bukan sahaja untuk jawatan Menteri Kewangan Kedua, tetapi juga jawatan-jawatan kabinet yang lain.

"Baru-baru ini, setelah beliau membuat keputusan, beliau sekali lagi bercakap kepada saya dan memberitahu bahawa keputusan telahpun dibuat," katanya.

Selasa lepas, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan pelantikan anggota Parlimen Rompin Datuk Dr Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Kewangan Kedua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor kepada Menteri penuh dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

Pengumuman itu dianggap oleh pihak-pihak tertentu sebagai satu kejutan dan kononnya dibuat oleh Perdana Menteri tanpa berbincang dengan timbalannya.

Abdullah menjelaskan bahawa pelantikan seseorang atau sesiapa pun ke jawatan Menteri dan Timbalan Menteri adalah hak Perdana Menteri.

"Ini semua orang memang tahu dan di dalam hal ini (pelantikan Menteri Kewangan Kedua), Perdana Menteri ada juga cakap kepada saya mengenai hasrat beliau," katanya.

Dr Jamaluddin, Tengku Adnan dan Zainuddin mengangkat sumpah jawatan masing-masing di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara hari ini.

Pelantikan ketiga-tiganya berkuatkuasa hari ini.

-- BERNAMA

AHM MOZ